

Adakah saya perlu kembali untuk lawatan susulan?

- Anda akan diberi temujanji untuk kembali dalam masa 3 bulan untuk ujian darah (HIV dan sifilis).
- Jika anda hamil dan dijangkiti klamidia, anda disyorkan untuk mempunyai satu lagi ujian 4 minggu selepas rawatan.
- Jika anda tidak hadir untuk lawatan susulan, anda akan dihubungi oleh klinik melalui telefon atau surat.


NOTA-NOTA PENTING

- Ambil semua ubat-ubatan seperti yang dinasihatkan
 - Pastikan pasangan seks anda juga dirawat
 - Elakkan seks semasa kedua-dua anda mengambil ubat-ubatan
- Mengamalkan seks selamat
- Seks tanpa pertukaran cecair badan (lelehan faraj, air mazi dan air mani)
 - Penggunaan kondom dengan betul dan setiap kali anda melakukan hubungan seks .
 - Elakkan minum alkohol yang berlebihan sebelum atau semasa seks , kerana ini boleh menjejaskan pertimbangan anda.

Nota lanjut

Kami telah cuba untuk memberikan maklumat yang lengkap, tepat dan maklumat terkini dalam risalah ini pada bukti dan pendapat perubatan semasa. Walau bagaimanapun, maklumat dan nasihat mungkin berbeza-beza dari sumber-sumber yang berbeza mengikut masa. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila berjumpa dengan doktor anda atau penasihat kesihatan anda.

Lokasi Kami



Klinik DSC

31 Kelantan Lane #01-16 S(200031)

Perkhidmatan Bas

23, 64, 65, 66, 67, 130, 139, 147, 857

Stesen MRT terdekat

Bugis (EWL/ DTL)
Farrer Park (NEL)
Jalan Besar (DTL)
Lavender (EWL)
Rochor (DTL)

HIV / STI maklumat berekod
6295 2944

HIV / STI Hotline
1800 - 2521324 (Pada waktu pejabat)

Buat temujanji bersama kami

Hubungi pusat temujanji di talian 6293 9648
atau email di apptdsc@nsc.com.sg

UNTUK MENGETAHUI INFORMASI KLINIK LEBIH LANJUT SILA LAWATI WWW.DSC-CLINIC.SG
ATAU DI FACEBOOK KAMI DI WWW.FACEBOOK.COM/DSCSG

CHLAMYDIA KLAMIDIA (Malay)

Apa itu Klamidia?

ia adalah salah satu daripada jangkitan kelamin (STIs) yang paling lazim di Singapura. Klamidia boleh dijangkiti oleh kedua-dua, lelaki dan wanita.

Bagaimana Klamidia boleh dijangkiti?

ia disebarkan melalui hubungan seks (faraj atau dubur) di mana cecair faraj atau zakar disebarkan dari seorang ke seorang yang lain. Kadang kala ia juga boleh disebarkan melalui seks oral.

Apakah tanda-tanda dan gejala-gejala?

Klamidia sering TIDAK menunjukkan gejala terutamanya di kalangan wanita. Sekiranya ada gejala-gejala yang muncul, ia mungkin bersifat ringan.

Lelaki	Wanita
<ul style="list-style-type: none">Rasa pedih di dalam zakar ketika membuang air kecilKeluar cairan dari zakarKekerapan membuang air kecil meningkat	<ul style="list-style-type: none">Lelehan faraj yang tidak normalPendarahan yang tidak normalKesakitan di panggulKesakitan ketika membuang air kecil

Bila tanda-tanda dan gejala-gejala muncul ?

Klamidia dikenali sebagai jangkitan 'senyap' kerana kebanyakan orang yang dijangkiti mungkin tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala. Jika gejala muncul, mereka mungkin tidak muncul sehingga beberapa minggu selepas pendedahan.

Siapa yang harus mengambil ujian?

- Mereka yang aktif di dalam seks terutamanya orang dewasa yang lebih muda.
- Jika anda ada mengadakan hubungan seks tanpa perlindungan dengan pasangan kasual atau pekerja seks

Bagaimanakah Klamidia didiagnos?

- sampel air kencing khusus untuk menguji klamidia (nota : tidak semua sampel air kencing dilakukan di klinik-klinik adalah untuk ujian klamidia)
- sampel swab - jururawat akan mengambil sampel dengan lidi swab kapas dari kawasan yang terjejas

(DSC menggunakan *chlamydia PCR test*)

Bolehkah Klamidia dirawat?

Ya, dengan antibiotik .

Klamidia mudah disebarkan di antara pasangan seks, maka dinasihatkan kedua-dua anda dan pasangan anda dirawat pada masa yang sama, walaupun anda dan pasangan anda tidak mempunyai apa-apa gejala.

Kami mengesyorkan agar mengelakkan hubungan seks sehingga anda selesai mengambil ubat anda dan pasangan seks anda juga telah habis dirawat.

Bolehkah Klamidia menyebabkan masalah-masalah lain?

Lelaki	Wanita
<ul style="list-style-type: none">Epididimitis (buah zakar yang sakit dan bengkak)Jangkitan di dalam rektum	<ul style="list-style-type: none">Penyakit Radang Pelvik (PID) - jangkitan dalam rahim dan tiub Fallopio menyebabkan sakit di bahagian abdomen, tiub rosak, kemandulan dan kehamilan yang tidak normal

Mempunyai Klamidia (atau mana-mana STI) boleh meningkatkan risiko mendapat HIV. Adalah penting untuk menyedari gejala dan melaporkannya kepada doktor, walaupun ia kelihatan ringan.

Klamidia sewaktu hamil

ia boleh meningkatkan risiko melahirkan bayi pra-matang dan mati semasa dilahirkan.

Bayi yang lahir dari wanita yang ada klamidia boleh dijangkiti di bahagian mata dan paru-paru apabila melalui saluran lahir.

Wanita hamil yang dijangkiti klamidia akan diberi antibiotik yang selamat diambil sewaktu hamil.

Jika anda hamil atau fikir anda mungkin hamil, beritahu doktor anda supaya antibiotik yang sesuai boleh diberikan kepada anda.